



ARTIS DULU VS ARTIS SEKARANG, MEDIA MASSA VS MEDIA SOSIAL

Oleh: Afiza Kamarulzaman

Zaman dulu bukan mudah nak jadi artis. Sama ada artis itu dilamar oleh seseorang dalam industri atau dia sendiri mencuba nasib ke sesi ujibakat dan memasuki pertandingan. Jika dia dilamar oleh orang berpengaruh dalam industri, pasti ada 'nilai' besar yang dilihat oleh orang itu terhadapnya. Mungkin orang itu pernah terdengar suara emas alunannya atau bakat lakonannya.

Atau untuk yang benar-benar berasakan dia berbakat akan memberanikan diri mencuba nasib ke sesi ujibakat atau pertandingan.

Banyak nama-nama besar dalam industri seni kita yang bermula dari sesi ujibakat atau pertandingan seperti Dato' Seri Siti Nurhaliza, Allahyarham Dato' Sudirman Haji Arshad, Dato' Jamal Abdillah, Datuk Aznil Nawawi, Datuk Nora, Dayang Nurfaizah, Liza Hanim, Misha Omar dan ramai lagi.

Kerana itu tidak hairanlah apabila mereka mampu bertahan lama walau tanpa gosip panas atau gimik, lantaran mereka bersandarkan pada bakat yang dimiliki 100 peratus. Malah, kalau kita bertemu atau berselisih bahu dengan mereka ini, terasa satu aura luar biasa yang ada pada mereka. Inilah 'nilai' yang tidak semua orang mampu miliki terutama pada artis sekarang.

Mungkin ada yang kata jangan samakan dulu dan sekarang tapi hakikatnya industri yang dihuni itu sama, yang membezakan adalah manusia yang menghuninya. Zaman sekarang, petik jari sudah boleh bergelar artis.



Diri sendiri yang mencipta nama artis itu pada diri sendiri tanpa perlu sesiapa mengiktirafnya. Muatnaik saja content diri di media sosial, jika ada rezeki di'follow' ramai orang, maka menjadilah kamu artis atau panggilan sekarangnyanya, pempengaruh atau bintang media sosial.

Apa, teruk sangat ke kalau jadi artis media sosial ni????

Eh, tidak! Sesiapa saja berhak untuk menaikkan diri mengikut cara masing-masing selagi orang mahu menerimanya.



Yang tidak betulnya apabila sikap dan 'attitude' yang dibawa apabila berada di dunia nyata menjadi sangat berbeza seperti apa yang sepatutnya diamalkan oleh seorang 'bintang'.



Cara berkomunikasi, cara menghadiri majlis, cara mendepani orang media, cara menjawab soalan wartawan, cara melayan peminat dan banyak lagi sikap yang perlu diperhalusi apabila kamu sudah menggelarkan dirimu selebriti industri.

Tidak dinafikan ramai artis zaman sekarang menganggap mereka mampu popular atau cari makan tanpa perlukan lagi media massa atau wartawan. Mereka sudah punya platform sendiri untuk 'menjual diri'. Sekelip mata mereka boleh muatnaik story sendiri mengikut acuan yang mereka mahukan.



Kalau dulu, artis sangat menjaga hubungan baik dengan orang media kerana bagi mereka ia umpama win win situation. Artis perlukan wartawan untuk publisiti dan wartawan perlukan artis untuk 'story'. Jadi, tiada istilah artis sombong atau kekwat dengan wartawan. Malah mereka saling menghormati. Setiap tuturkata dijaga, perilaku dipelihara, disiplin terjaga.



**INDUSTRI INI
SANGATLAH
KECILNYA,
PUSING-
PUSING...
EHHH.. JUMPA
ORANG YANG
SAMA.**